

Majlis Anugerah Gemilang Siswa 2009

Pengiktirafan Kecemerlangan Mahasiswa UniMAP

Oleh : Mohd Hakam Hassan

14 Mac, Dewan 2020 - Anugerah Gemilang Siswa 2009 kali ini mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila buat julung-julung kalinya telah diadakan di Dewan 2020. Dengan berkonsepkan 1Malaysia, majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Tuan Jafperi Othman, Exco Agama Islam, Jawatankuasa Hadhari dan Pembangunan As-Sunnah Kerajaan Negeri Perlis mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis selaku tetamu kehormat pada malam tersebut bersama dengan Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamaruddin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Turut hadir bersama dalam majlis ini adalah Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan dan pengetua sekolah-sekolah yang dijemput.



Majlis pada malam tersebut telah diserikan dengan penyampaian pelbagai anugerah dan antara anugerah-anugerah yang telah disampaikan dalam majlis ini adalah Anugerah Kecemerlangan dalam Bidang Sukan, Anugerah Kecemerlangan dalam Bidang Kebudayaan, Anugerah Akademik Cemerlang, Anugerah Kepimpinan Gemilang, Anugerah Budi Gemilang, Anugerah Versatile, Anugerah Pendebat Terbaik, Anugerah Inovasi Cemerlang, Anugerah Khas Kepada Pelajar Antarabangsa, Anugerah Kelab Persatuan Terbaik, Anugerah Penganjuran Terbaik dan kemuncaknya Anugerah Tokoh Terbilang Siswa.

Untuk penganjuran edisi kali ini, Anugerah Tokoh Terbilang Siswa sempena Anugerah Gemilang Siswa 2009 telah dinobatkan kepada Saudara Abdul Malek Abdullah. Beliau merupakan pelajar UniMAP tahun 3 kemasukan sesi 2007/2008. Mengikuti program pengajian peringkat Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Bioproses di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dan sekarang sedang menjalani Latihan Industri. Pencapaian tertinggi beliau adalah apabila menyandang jawatan selaku Yang Dipertua Majlis Perwakilan UniMAP pada Sidang Akademik 2008/2009. Untuk anugerah ini, beliau telah menerima Piala Pusingan, Wang Tunai berjumlah RM 1,000.00, plak iringan dan sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Jafperi Othman, Exco Kerajaan Negeri Perlis dengan diiringi oleh Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamaruddin Hussin, Naib Canselor UniMAP.

Dalam majlis yang diadakan ini juga, UniMAP turut menyampaikan anugerah penghargaan khas kepada pelajar-pelajar dari sekolah di Negeri Perlis yang telah berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Tahun 2009 yang telah diumumkan baru-baru ini. Untuk itu, seramai 15 orang penerima yang terdiri daripada 10 orang pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang dalam SPM dan 5 orang pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang dalam STPM di peringkat Negeri Perlis telah dijemput bagi menerima sijil penghargaan dan wang tunai dalam majlis ini. Penyampaian anugerah penghargaan khas ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniMAP.



Selain daripada memberikan penghargaan kepada para pelajar sekolah-sekolah yang menunjukkan kecemerlangan dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM, majlis ini juga memberikan penghargaan kepada sekolah-sekolah yang memberikan komitmen dan sumbangan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti anjuran UniMAP. Untuk itu Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra dan Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis telah diumumkan sebagai penerima bagi anugerah tersebut dan hadiah tersebut telah disampaikan kepada Pengetua Sekolah yang telah dijemput hadir. Dalam majlis ini juga Encik Rezal Ghazali (Syarikat Rass Design), Encik Yarzi Azran Khalid (Seri Napro Trading), Encik Ismail Hassan (Fisiotrapi/pengamal perubatan tradisional) dan Encik Zamri Yusoff (ThreePalz Computer) turut menerima anugerah penghargaan khas individu di atas sumbangan dan sokongan yang telah diberikan oleh mereka dalam menjayakan program-program pelajar di UniMAP. Selain daripada acara penyampaian anugerah majlis pada malam tersebut turut diserikan dengan persembahan-persembahan oleh mahasiswa UniMAP dengan acara persembahan pembukaan majlis pada malam tersebut telah dimulakan dengan persembahan Dikir Barat.

